

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tanam ketum tanpa kebenaran satu kesalahan

**PUTRAJAYA 17 Jan.** - Menanam pokok ketum tanpa kebenaran daripada pihak berwajib akan menjadi satu kesalahan di negara ini.

Perkara itu berikutan persetujuan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) agar pindaan akta berkaitan dibuat bagi memasukkan kesalahan menanam ketum tanpa kebenaran.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, kebenaran daripada pihak Kementerian Kesihatan diperlukan bagi penanaman tumbuhan berkenaan.

“Sebagaimana sedia maklum penanaman ketum buat masa ini adalah dibenarkan manakala apabila ia dituai dan dijual adalah menjadi kesalahan.

“Jadi siapa hendak tanam itu perlu memohon dan tidak boleh sesuka hati,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat JKMD bilangan 1/2019 di bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Tambah Wan Azizah, mengikut peruntukan undang-undang, bahan *mitragynine* yang terkandung di dalam pokok ketum adalah tersenarai dalam Jadual Ketiga, Bahan Psikotropik, Akta Racun 1952.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Kata beliau, bahan itu di-

kawal di bawah seksyen 30, Akta Racun 1952 iaitu pengawalan bagi import, eksport, pembuatan, penjualan dan lain-lain bahan psikotropik.

Sementara itu Wan Azizah berkata, JKMD turut bersetuju untuk mengeluarkan Seksyen 8 dan 9 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 daripada Akta Pendaftaran Jenayah dan Orang Yang Tak Diingini 1969.

“Ini supaya penagih dadah yang sudah menjalani pemulihan secara sukarela tidak didaftarkan di dalam pendaftaran jenayah (no criminal record),” katanya.

Tambah beliau, cadangan itu adalah berdasarkan keperluan untuk menghilangkan stigma kepada penagih dadah yang sudah pulih, membolehkan bekas penagih di bawah seksyen berkenaan memperoleh peluang pekerjaan dan memberi peluang kepada mereka menjalani kehidupan baharu dan berfungsi dalam masyarakat.

Selain itu, jelasnya, JKMD mencadangkan agar insentif yang ditawarkan kepada majikan yang mengambil bekas banduan bekerja turut diperluaskan kepada majikan yang mengambil bekas penagih dadah untuk bekerja.

“Hasil kajian menunjukkan kadar pemulihan akan lebih baik sekiranya klien (bekas penagih dadah) mempunyai pekerjaan untuk meneruskan kehidupan bagi menyara diri mereka dan keluarga,” katanya.